



AKTA ZON PERDAGANGAN BEBAS, 1971

Repealed by *Act 438*

UNDANG² MALAYSIA

Tatikh di-tetapkan dalam Warta ... 29hb April, 1971

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Perisytiharan mengenai perdagangan bebas dan perantaraan Pehala-berkuasa.
4. Jawatan-kuasa Penasihat.

Akta 24

AKTA ZON PERDAGANGAN BEBAS, 1971

BABAGIAN II

KENDALIAN YANG DI-BENARKAN DALAM ZON PERDAGANGAN BEBAS

1. Barang² bebas masuk.
2. Membuat apa² urusan atau sa-bagai-nya mengenai barang² dalam zon perdagangan bebas.
3. Perdagangan jual-runcit.
4. Memakai atau mengguna barang² kena-dut.
5. Penalti.
6. Penghijauan.

BABAGIAN III

TUGAS² TERENTU Pehala-BERKUASA

15. Pehala-berkuasa hendaklah, seso-dong kemudaha².
16. Pehala-berkuasa boleh membatalkan atau menangguhkan perundangan, atau, di-tentukan.
17. Memberi kuasa terhadap barang² dalam zon perdagangan bebas.
18. Tugasan² tahunan dan akaun.



Tarikh Persetujuan di-Raja ... 24hb April, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 29hb April, 1971

AKTA 24

AKTA ZON PERDAGANGAN BEBAS 1971

UNDANG² MALAYSIA

Akta 24

AKTA ZON PERDAGANGAN BEBAS, 1971

SUSUNAN SEKSHEN²

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Sekshen

1. Tajok ringkas.
2. Tafsiran.
3. Perisytiharan mengenai zon perdagangan bebas dan perlantekan Pihak-berkuasa.
4. Jawatan-kuasa Penasihat.

BAHAGIAN II

KENDALIAN² YANG DI-BENARKAN DALAM ZON PERDAGANGAN BEBAS

5. Barang² bebas masuk.
6. Membuat apa² urusan atau sa-bagai-nya mengenai barang² dalam zon perdagangan bebas.
7. Perdagangan jual-runchit.
8. Memakai atau mengguna barang² kena-duti.
9. Penalti.
10. Pengilangan.

BAHAGIAN III

TUGAS² TERTENTU PEHAK-BERKUASA

11. Pihak-berkuasa hendak-lah mengadakan kemudahan².
12. Pihak-berkuasa boleh membenarkan bangunan² persendirian, dsb., di-dirikan.
13. Menahan masuk sa-tengah² barang, dsb.
14. Laporan² tahunan dan akaun².

BAHAGIAN IV
KESALAHAN², PENALTI², GELEDAH, AMBILAN,
TANGKAPAN DAN PERUNTOKAN² MENGENAI
PEMBICHARAAN²

Sekshen

15. Masok dan tinggal dalam zon perdagangan bebas.
16. Orang² terikat memberi maklumat.
17. Penalti bagi kesalahan² yang tidak di-peruntokkan dengan nyata.
18. Perchubaan dan persubahatan.
19. Mengeluarkan waran geledah.
20. Bila geledah boleh di-jalankan tanpa waran.
21. Pegawai Kastam boleh menahan dan memeriksa kenderaan.
22. Kuasa bagi membuka bungkusan² dan memeriksa barang².
23. Pemereksaan orang² yang tiba dalam zon perdagangan bebas.
24. Pengambilan barang² yang menjadi hal perkara sa-suatu kesalahan.
25. Kereta, perahu atau kapaludara di-lepaskan dengan jaminan.
26. Kuasa menangkap.
27. Peruntokan² berhubung dengan penangkapan tanpa waran.
28. Siapa boleh mendakwa.
29. Kesalahan oleh kumpulan orang, penjawat dan ejen.
30. Mengkompaun kesalahan.
31. Tindakan pegawai² tidak menjadi kesalahan.
32. Thabitan² di-bawah undang² lain.
33. Barang² yang boleh kena di-ambil boleh kena di-rampas.
34. Mahkamah hendak-lah memerintah supaya barang² yang di-ambil di-lepaskan.
35. Barang² yang di-ambil dan yang mengenai-nya tiada apa² pendakwaan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-rampas jika tidak di-tuntut dalam tempoh satu bulan.
36. Barang² yang di-ambil boleh di-serahkan kepada pemunya-nya atau orang lain.

BAHAGIAN V

PERUNTOKAN PELBAGAI

37. Perakuan berhubung dengan zon.
38. Pegawai Kastam yang hak boleh mengambil chontoh.
39. Penjawat awam.

ZON PERDAGANGAN BEBAS

5

Sekshen

40. Rayuan terhadap keputusan Pehak-berkuasa atau Ketua Pengarah.
41. Menteri hendak-lah menetapkan.
42. Kuasa perwakilan.

BAHAGIAN VI

PINDAAN² UNDANG² KASTAM

43. Pindaan² berbangkit.

BAHAGIAN VII

PEMANSOKHAN

44. Pemansokhan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

VON FREDERICK ALIAS

40. ... (Inverted text)

41. ... (Inverted text)

BINDAN UNDANG KASTAM

42. ... (Inverted text)

BINDAN UNDANG VII

43. ... (Inverted text)

JABAL PERTAMA

44. ... (Inverted text)

JABAL KEDUA

45. ... (Inverted text)

46. ... (Inverted text)

47. ... (Inverted text)

48. ... (Inverted text)

49. ... (Inverted text)

50. ... (Inverted text)

51. ... (Inverted text)

52. ... (Inverted text)

53. ... (Inverted text)

54. ... (Inverted text)

Please refer to Reprint²⁰⁰⁶.....

Repealed by^{Act 438}.....

UNDANG² MALAYSIA

Akta 24

AKTA ZON PERDAGANGAN BEBAS, 1971

Suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi menubuhkan zon² perdagangan bebas dalam Persekutuan bagi memajukan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud² yang bersangkutan.

[30hb April, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971.

Tajok ringkas.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlain-lain bagi mula berkuatkuasa-nya peruntokan yang berlain-lain dalam Akta ini.

20/11/72
Pu(B)39/72

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Pihak-berkuasa” erti-nya sa-suatu badan berkanun atau sharikat atau jabatan Kerajaan bagi Persekutuan atau bagi mana² Negeri dalam Persekutuan yang di-lantek di-bawah peruntokan sekshen-kechil (2) sekshen 3 bagi mentadbir, menyenggara dan mengendali mana² zon perdagangan bebas yang telah di-ishtiharkan sa-demikian di-bawah peruntokan sekshen-kechil (1) sekshen 3;

“Jawatan-kuasa” erti-nya Jawatan-kuasa Penasihat Zon Perdagangan Bebas yang di-lantek di-bawah peruntokan sekshen 4;

“wilayah kastam” erti-nya Persekutuan termasuk Pulau Pinang dan Labuan dan perayeran wilayah-nya tetapi tidak termasuk sa-suatu zon perdagangan bebas;

Handwritten notes on the right margin:
- 11/11/72
- PuCA) 15/72
- PuCA) 120/73
- PuCA) 325/73
- PuCA) 326/73
- Act A 229/74
- PuCA) 409/74
- PuCA) 42/75
- Pu(A) 43/75
- Pu (A) 290/79
- Pu (A) 291/79
- Pu (B) 235/84
- Pu (B) 330/84
- Pu (A) 406/85
- Pu (B) 293/85
- Pu (B) 243/86

“duti eksais” erti-nya sa-suatu duti yang di-kenakan oleh atau di-bawah Akta Eksais, 1961 Negeri² Tanah Melayu dan Ordinan Eksais Sabah dan Ordinan Eksais Sarawak;

“zon perdagangan bebas” erti-nya sa-suatu kawasan yang di-ishtiharkan sa-bagai zon perdagangan bebas di-bawah peruntukan sekshen-kechil (1) sekshen 3;

“barang²” ada-lah termasuk binatang, burong, ikan, pokok dan segala jenis harta aleh;

“Labuan” erti-nya Pulau Labuan dan pulau² taklok-nya, ia-itu Rusukan Besar, Rusukan Kechil, Keraman, Burong, Papan dan Daat;

“pengilangan” dengan perubahan² tasrif dan perkataan² terbitan-nya, erti-nya proses mengubah bahan² hingga menjadi suatu keluaran atau barang yang baharu, sama ada dengan jentera kendalian kuasa letrik atau tidak dan dengan demikian, suatu perubahan tentang pengelasan tarif telah di-lakukan:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, menurut budibichara mutlak-nya, memutuskan bahawa hasil dari sa-suatu pengilangan bukan-lah suatu keluaran atau barang yang baharu dan tiada perubahan tentang pengelasan tarif telah di-lakukan;

“Menteri” erti-nya Menteri Persekutuan yang bertanggungjawab atas kewangan;

“Pulau Pinang” erti-nya Pulau Pulau Pinang dan semua pulau yang bersampingan yang terletak lebih dekat ka-Pulau Pulau Pinang daripada tanah-besar;

“nilai”, berhubung dengan barang² yang di-impot, erti-nya harga yang akan di-beri oleh pengimpot bagi barang² itu apabila di-beli dalam pasaran terbuka jika barang² itu di-serahkan kepada-nya di-tempat bayaran duti kastam dan jika tambang-barang, insuran, kamsen dan segala kos, chaj dan belanja lain (kechuali apa² duti kastam dan chaj bagi mengendali, menyimpan, memindah barang² itu, chaj bagi kelengkapan pesawatan dan lain² chaj sa-umpama-nya yang di-lakukan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas) yang bersampingan dengan pembelian dan penyerahan barang² di-tempat itu telah di-bayar.

Perbahaasan “Ketua Pengarah”, “duti kastam”, barang² kena-duti”, “pegawai kastam”, “pegawai kastam yang hak”, “Pengarah Wilayah” dan “pegawai kanan kastam” ada-lah

mempunyai erti yang di-beri kapada-nya masing² dalam Akta Kastam, 1967.

3. (1) Menteri boleh, sa-lepas berunding dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan, melalui pemberitahu dalam *Warta*, mengishtiharkan mana² kawasan sa-bagai suatu zon perdagangan bebas dan tiap² pemberitahu itu hendak-lah menentukan kawasan zon perdagangan bebas itu.

Perishti-haran mengenai zon per-dagangan bebas dan perlantekan Pehak-berkuasa.

(2) Menteri boleh melantek mana² badan berkanun yang di-tubuhkan atau di-bentok oleh atau di-bawah sa-suatu undang² persekutuan atau mana² sharikat atau mana² jabatan Kerajaan Persekutuan atau, dengan persetujuan Negeri yang berkenaan, mana² badan berkanun yang di-tubuhkan atau di-bentok oleh atau di-bawah suatu undang² Negeri atau mana² jabatan Kerajaan sa-suatu Negeri, sa-bagai Pehak-berkuasa bagi mentadbir, menyenggara dan mengendalikan mana² zon perdagangan bebas yang telah di-ishtiharkan sa-demikian di-bawah peruntokan sekshen-kechil (1).

4. (1) Maka hendak-lah ada suatu Jawatan-kuasa Penasihat Zon Perdagangan Bebas yang terdiri daripada tidak kurang daripada lima tetapi tidak lebeh daripada tujuh orang yang akan di-lantek oleh Menteri bagi menasihatkannya atas segala perkara berhubung dengan zon² perdagangan bebas.

Jawatan-kuasa Penasihat.

(2) Sa-kurang²-nya tiga daripada orang² yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (1) hendak-lah orang² yang berpengalaman luas dalam perniagaan dan perdagangan.

(3) Tiap² perlantekan yang di-buat di-bawah sekshen ini hendak-lah di-siarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN II

KENDALIAN² YANG DI-BENARKAN DALAM ZON PERDAGANGAN BEBAS

5. Barang² dari apa² jenis, kechuali barang² yang di-larang dengan tertentu dan mutlak oleh mana² undang² bertulis, boleh di-bawa masok ka-dalam sa-suatu zon perdagangan bebas dengan tiada bayaran apa² duti kastam, atau duti eksais.

Barang² bebas masok.

Ganti oleh Act A 229/60

↳ duti eksais atau cukai jualan.
(Act A. 146)

Membuat
apa² urusan
atau
sa-bagai-nya
mengenai
barang²
dalam zon
perdagangan
bebas.

6. (1) Tiada sa-saorang pun boleh membuat apa² urusan atau sa-bagai-nya mengenai apa² barang yang di-bawa masok ka-dalam sa-suatu zon perdagangan bebas kechuali mengikut chara yang di-peruntokkan kemudian daripada ini.

(2) Barang² dalam sa-suatu zon perdagangan bebas boleh—

(a) di-pindahkan dari zon perdagangan bebas itu untuk ekseptot atau di-hantar ka-dalam suatu zon perdagangan bebas lain sama ada dalam bungkusan asal-nya atau sa-lain-nya;

(b) melainkan jika sa-lain-nya di-arah oleh Pehak-berkuasa—

(i) di-simpan, di-jual, di-pamerkan, di-pechah²-kan, di-bungkus sa-mula, di-pasang, di-edarkan, di-iseh, di-peringkat, di-bersehkan, di-champor, atau sa-lain-nya di-kendelat atau di-kilang mengikut peruntokan² Akta ini, atau

(ii) di-binasakan;

(c) dengan persetujuan Pehak-berkuasa, dan tertaklok kepada apa² sharat yang di-kenakan oleh-nya, di-hantar ka-dalam mana² bahagian wilayah kastam dalam bungkusan asal-nya dengan sharat bahawa Pehak-berkuasa itu hendak-lah berunding dengan Pengarah Wilayah sa-belum barang² itu di-benar di-pindahkan.

(3) Barang², kechuali sa-bagaimana yang di-tetapkan di-bawah peruntokan sekshen-kechil (4) sekshen ini, yang telah di-bawa masok ka-dalam sa-suatu zon perdagangan bebas dari mana² bahagian wilayah kastam hendak-lah di-sifatkan sa-bagai di-ekseptot bagi maksud *drawback* di-bawah peruntokan Akta Kastam, 1967.

(4) Peruntokan sekshen ini tidak-lah di-pakai bagi apa² barang yang di-ishtiharkan dari sa-masa ka-samasa oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Perdagangan
jual-runchit.

7. (1) Tiada apa² perdagangan jual-runchit boleh di-jalankan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas melainkan jika di-benarkan oleh Pehak-berkuasa; dan berhubong dengan kebenaran itu, Pehak-berkuasa boleh mengenakan apa² sharat yang di-fikirkan-nya patut.

(2) Pehak-berkuasa hendak-lah berunding dengan Pengarah Wilayah sa-belum membenarkan apa² perdagangan jual-runchit di-jalankan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas.

8. Tertaklok kapada peruntokan sekshen 6 dan 7 tiada apa² barang kena-duti boleh, dengan tiada kebenaran bertulis sa-saorang pegawai kastam yang hak yang berpangkat tidak rendah daripada Penguasa Kanan Kastam dan Eksais, di-pakai atau di-gunakan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas.

Memakai
atau
menggara
barang²
kena-duti.

9. Sa-saorang yang melanggar peruntokan sekshen 6, 7 dan 8 ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh, bagi kesalahan kali pertama, di-kenakan denda sa-banyak tidak kurang daripada sa-puluh kali ganda jumlah duti atau chukai kastam atau eksais atau lima ribu ringgit, mengikut mana jumlah yang lebeh kurang, dan sa-banyak tidak lebeh daripada dua puloh kali ganda jumlah duti atau chukai kastam atau eksais atau lima ribu ringgit mengikut mana jumlah yang lebeh besar, dan bagi kesalahan kali kedua atau kesalahan kali kemudian denda sa-banyak tidak kurang daripada sa-puluh kali ganda duti kastam atau eksais atau lima ribu ringgit, mengikut mana jumlah yang lebeh kurang, dan sa-banyak tidak lebeh daripada empat puloh kali ganda duti kastam atau eksais atau sa-puluh ribu ringgit mengikut mana jumlah yang lebeh besar, atau penjara sa-lama tempoh tidak lebeh daripada dua tahun atau denda dan penjara itu kedua²-nya :

Penalti.

Dengan syarat bahawa apabila jumlah duti kastam atau eksais tidak dapat di-tentukan penalti itu boleh terjumlah kapada suatu denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit.

10. (1) Dengan persetujuan Menteri maka boleh-lah di-jalankan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas pengilangan² yang di-nyatakan dalam Jadual Pertama.

Pengilangan.

(2) Menteri boleh dari sa-masa ka-samasa, melalui pemberitahu dalam *Warta*, membuat apa² tambahan kapada Jadual Pertama, mengubah atau meminda-nya.

(3) Menteri boleh membuat peratoran² berkenaan dengan pengilangan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas.

BAHAGIAN III

TUGAS² TERTENTU PEHAK-BERKUASA

Pihak-berkuasa hendak-lah mengadakan kemudahan².

11. (1) Menteri boleh menghendaki Pihak-berkuasa mengadakan dan menyenggara dalam zon perdagangan bebas apa² kemudahan yang di-fikirkan-nya perlu bagi membolehkan zon perdagangan bebas berjalan dengan sa-patut-nya dan dengan chekap.

(2) Menteri boleh memberi kepada Pihak-berkuasa apa² arahan yang di-fikirkan-nya perlu bagi membolehkan sa-suatu perdagangan bebas berjalan dengan sa-patut-nya atau bagi maksud memperlindungi hasil; dan Pihak-berkuasa hendak-lah mematohi mana² arahan itu.

(3) Pihak-berkuasa hendak-lah mengadakan kemudahan² yang chukup bagi pegawai² kastam yang, mengikut kewajipan² mereka di-kehendaki hadhir dalam atau di-perimeter zon perdagangan bebas; dan Pihak-berkuasa hendak-lah membenarkan pejabat² kastam di-tubuhkan dalam sa-suatu zon perdagangan bebas—

(a) untok membolehkan Pengarah Wilayah membuat apa² perkiraan yang di-fikirkan-nya perlu bagi menentukan supaya barang² yang di-bawa keluar dari zon perdagangan bebas dapat di-awasi dengan sa-patut-nya; dan

(b) bagi apa² maksud yang di-fikirkan perlu oleh Menteri bagi mentadbirkan peruntukan Akta ini dengan chara yang lebeh baik.

(4) Pihak-berkuasa hendak-lah mengadakan litupan² yang memadaï bagi mengasingkan zon perdagangan bebas dari wilayah kastam untok memperlindungi hasil serta kemudahan² yang sesuai untok orang, kenderaan, perahu dan barang² masok dan keluar dari zon perdagangan bebas itu.

Pihak-berkuasa boleh membenarkan bangunan² persendirian, dsb., di-dirikan.

12. (1) Pihak-berkuasa boleh membenarkan sa-siapa mendirikan apa² bangunan dan lain² binaan dalam zon perdagangan bebas mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki.

(2) Pihak-berkuasa boleh, sa-lepas berunding dengan Pengarah Wilayah, memajakkan kepada atau membenarkan sa-siapa mengambil, memegang atau menikmati apa² jenis harta aleh dan harta tak aleh dalam sa-suatu zon perdagangan bebas atas apa² sharat dan sa-lama apa² tempoh yang di-tentukan oleh Pihak-berkuasa.

13. (1) Pehak-berkuasa boleh, menurut budibichara-nya, memerentahkan di-tahan masuk atau di-pindahkan dari zon perdagangan bebas apa² barang, atau di-berhentikan apa² kendalian, yang pada pendapat-nya merbahaya atau mudharat kepada kepentingan, kesihatan atau keselamatan awam.

Menahan masuk sa-tengah² barang, dsb.

(2) Sa-siapa yang tidak berpuashati dengan sa-suatu perintah itu boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh empat belas hari sa-lepas perintah itu di-sampaikan; dan keputusan Menteri itu ada-lah muktamad dan tidak boleh di-soal dalam mana² Mahkamah.

(3) Sa-suatu perintah oleh Pehak-berkuasa mengenai perpindahan apa² barang yang, pada pendapat Pehak-berkuasa merbahaya atau mudharat kepada keselamatan awam, hendak-lah, walau pun rayuan boleh di-buat kepada Menteri, di-patohi dengan segera; dan sa-suatu perintah mengenai pemberhentian kendalian, jika sa-suatu rayuan telah di-buat kepada Menteri, tidak boleh berkuatkuasa sa-hingga rayuan itu di-putuskan dengan menyebelahi Pehak-berkuasa.

14. (1) Pehak-berkuasa hendak-lah menetapkan bentuk dan chara menyimpan akaun² zon perdagangan bebas.

Laporan² Tahunan dan akaun².

(2) Pehak-berkuasa hendak-lah mengemukakan kepada Menteri tiap² tahun dan pada bila² masa lain sa-bagaimana di-tetapkan oleh Menteri laporan² mengandongi pernyataan penoh mengenai segala kendalian, pendapatan dan perbelanjaan dan apa² maklumat lain sa-bagaimana di-kehendaki oleh Menteri.

(3) Akaun² Pehak-berkuasa, bersama dengan Laporan Tahunan-nya, hendak-lah di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen.

BAHAGIAN IV

KESALAHAN², PENALTI², GELEDAH, AMBILAN, TANGKAPAN DAN PERUNTOKAN² MENGENAI PEMBICHARAAN²

15. Tertaklok kepada peruntokan Akta ini, tiada sa-siapa boleh memasoki atau tinggal dalam sa-suatu zon perdagangan bebas dengan tiada kebenaran Pehak-berkuasa.

Masuk dan tinggal dalam zon perdagangan bebas.

16. Tiap² orang yang di-kehendaki oleh pegawai kastam yang hak memberi maklumat atau mengemukakan suratan² mengenai apa² perkara yang pegawai itu berkewajipan

Orang² terikat memberi maklumat.

menyiasat dan yang orang itu berkuasa memberi atau mengemukakan ada-lah terikat memberi maklumat itu atau mengemukakan suratan² itu.

Penalti bagi kesalahan² yang tidak di-peruntokkan dengan nyata.

17. Tiap² ketinggalan atau kechuaian mematohi, dan tiap² perbuatan yang di-lakukan atau di-chuba hendak di-lakukan berlawanan dengan peruntokan Akta ini atau dengan mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ada-lah menjadi suatu kesalahan dan mengenai sa-suatu kesalahan yang tidak ada apa² penalti di-peruntokkan dengan nyata bagi-nya, pesalah itu, apabila di-thabitkan, boleh di-kenakan denda tidak lebeh daripada lima ribu ringgit.

Perchubaan dan persubahatan.

18. Barang siapa chuba melakukan sa-suatu kesalahan yang boleh di-hukum di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya atau barang siapa bersubahat melakukan kesalahan itu hendak-lah di-hukum dengan hukuman yang di-peruntokkan bagi kesalahan itu.

Mengeluarkan waran geledah.

19. Apabila di-dapati oleh mana² Mejisteret dari maklumat dan sa-lepas apa² siasatan yang di-fikirkan-nya perlu bahawa ada sebab yang berpatutan bagi memperchayai bahawa dalam sa-suatu kedai, gudang atau lain² bangunan atau tempat dalam sa-suatu zon perdagangan bebas ada di-semبunikan atau di-letakkan apa² barang yang mengenai-nya suatu kesalahan telah di-lakukan di-bawah Akta Kastam, 1967, atau di-bawah Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, Mejisteret itu boleh mengeluarkan suatu waran memberikuasa kapada mana² pegawai kastam yang di-namakan dalam waran itu, sama ada pada waktu malam atau waktu siang dan sama ada dengan bantuan atau tidak:

(a) memasoki kedai, gudang atau lain² bangunan atau tempat itu dan di-situ menchari dan mengambil apa² barang yang mengenai-nya ada sebab bagi memperchayai bahawa kesalahan yang tersebut di-atas itu telah di-lakukan, dan juga apa² buku atau suratan yang menasabah di-perchayai ada kena mengena dengan kes itu;

(b) menangkap sa-siapa yang ada dalam kedai, gudang, bangunan atau tempat itu yang di-dapati ada memiliki mana² barang yang tersebut, atau yang menasabah di-shaki sa-bagai orang yang telah menyembunikan atau meletakkan barang² itu;

- (c) memecahkan, jika perlu, mana² pintu kedai, gudang, bangunan atau tempat itu dan masuk ka-dalam-nya;
- (d) memasoki dengan kekerasan, jika perlu, tempat itu dan tiap² bahagian-nya;
- (e) membuang dengan kekerasan apa² halangan masuk ka-mana² tempat itu atau mana² bahagian-nya apa² halangan menggeledah, mengambil dan memindah yang mana ia berkuasa melakukan; dan
- (f) menahan sa-siapa yang di-jumpai di-tempat itu sa-hingga tempat itu telah selesai di-geledah.

20. Apabila di-dapati oleh mana² pegawai kanan kastam bahawa ada sebab yang berpatutan bagi memperchayai bahawa dalam mana² kedai, gudang atau mana² bangunan atau tempat lain dalam sa-suatu zon perdagangan bebas ada di-semunyikan atau di-letakkan apa² barang yang mengenai-nya suatu kesalahan telah di-lakukan di-bawah Akta Kastam, 1967 atau di-bawah Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya dan jika ia ada alasan² yang berpatutan bagi memperchayai bahawa kelewatan mendapatkan suatu waran geledah di-bawah sekshen 19 mungkin menyebabkan barang² itu di-pindah, pegawai itu boleh menjalankan dalam, atas dan mengenai kedai, gudang atau lain² bangunan atau tempat itu segala kuasa yang tersebut dalam sekshen 19 itu dengan chara sa-penoh dan sa-chukup-nya sa-olah² ia telah di-berikuasa berbuat demikian oleh waran yang di-keluarkan di-bawah sekshen itu.

Bila geledah boleh di-jalankan tanpa waran.

21. (1) Mana² pegawai kastam boleh menahan dan memerksa mana² kereta dalam sa-suatu zon perdagangan bebas bagi maksud menentukan sama ada apa² barang yang menjadi hal perkara sa-suatu kesalahan di-bawah Akta Kastam, 1967 atau Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya ada terkandung di-dalam-nya, dan orang yang mengawal atau menjaga kereta itu hendak-lah, jika di-kehendaki oleh pegawai itu, memberhentikan kereta itu dan membenarkan pegawai itu memeriksa-nya atau membawa-nya ka-suatu tempat lain untuk di-periksa, dan tidak boleh meneruskan perjalanan-nya sa-hingga kebenaran bagi berbuat demikian itu telah di-beri oleh pegawai itu.

Pegawai² Kastam boleh menahan dan memeriksa kenderaan.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga mana² kereta yang di-tahan untuk di-periksa di-bawah peruntukan sekshen-kecil (1) hendak-lah jika di-minta oleh pegawai

kastam, membuka semua bahagian kereta itu untuk di-pereksa oleh pegawai itu dan hendak-lah mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan pegawai itu menjalankan apa² pemereksaan yang di-fikirkan-nya perlu.

Kuasa bagi membuka bungkusan² dan memereksa barang².

22. Mana² pegawai kastam yang hak boleh dalam sa-suatu zon perdagangan bebas memereksa apa² barang yang di-bawa masuk ka-dalam atau di-pindahkan dari sa-suatu zon perdagangan bebas atau yang di-chadang hendak di-bawa masuk atau keluar dari sa-suatu zon perdagangan bebas dan bagi maksud pemereksaan itu ia boleh mengarahkan barang² itu di-bawa ka-suatu pejabat kastam atau balai kastam dan ia boleh membuka mana² bungkusan atau bekas.

Pemereksaan orang² yang tiba dalam zon perdagangan bebas.

23. Mana² orang yang mendarat atau yang hampir hendak mendarat atau yang baharu sahaja mendarat dari sa-suatu perahu atau kapaludara atau berlepas dalam sa-suatu perahu atau kapaludara dalam sa-suatu zon perdagangan bebas sama ada bagi maksud mendarat atau sa-lain-nya atau yang memasoki atau yang baharu sahaja memasoki sa-suatu zon perdagangan bebas dengan kereta atau keretapi hendak-lah, jika di-minta oleh mana² pegawai kastam yang hak sama ada membenarkan diri-nya, barang² dan begasi-nya di-pereksa oleh pegawai itu atau hendak-lah bersama² dengan barang² dan begasi itu pergi bersama pegawai itu ka-suatu pejabat kastam atau balai kastam atau balai polis dan di-situ membenarkan diri-nya, barang² dan begasi-nya di-pereksa oleh sa-saorang pegawai kastam:

Dengan syarat bahawa—

(a) sa-saorang yang meminta diri-nya di-pereksa di-hadapan sa-orang pegawai kanan kastam tidak boleh di-pereksa kechuali di-hadapan dan di-bawah penyeliaan pegawai itu, tetapi orang itu boleh ditahan sa-hingga pegawai itu tiba atau di-bawa masuk ka-mana² pejabat kastam atau balai kastam atau balai polis di-mana pegawai itu boleh di-dapati;

(b) barang² dan begasi sa-saorang yang meminta hendak hadir apabila barang² dan begasi itu di-pereksa dan ia-nya hadir sa-demikian dalam tempoh yang berpatutan tidak boleh di-pereksa kechuali di-hadapan-nya; dan

(c) tiada sa-saorang perempuan boleh di-pereksa melainkan oleh sa-orang perempuan.

24. (1) Semua barang yang mengenai-nya telah di-lakukan, atau yang mengenai-nya ada sebab yang berpatutan bagi memperchayai telah di-lakukan apa² kesalahan, atau pelanggaran terhadap Akta Kastam, 1967 atau Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya atau apa² pelanggaran terhadap apa² sekatan atau syarat yang tertaklok kapada-nya apa² lesen, permit atau kebenaran telah di-beri di-bawah mana² undang² itu, bersama dengan apa² bekas, begasi, kereta, perahuan (tidak lebeh daripada tujuh puluh lima tan berdaftar berseh), atau kapaludara dalam mana barang² itu di-jumpai atau yang di-gunakan berhubung dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan mana² buku atau surat yang menasabah diperchayai ada kena mengena dengan kes itu, boleh di-ambil oleh mana² pegawai kastam dalam sa-suatu zon perdagangan bebas.

Pengambilan barang² yang menjadi hal perkara sa-suatu kesalahan.

(2) Semua barang itu dan semua bekas, begasi, kereta, perahuan atau kapaludara itu hendak-lah dengan sa-berapa segera yang praktik di-serahkan ka-dalam jagaan sa-saorang pegawai kastam yang hak dan yang berkewajipan menerimanya.

(3) Apabila mana² barang, bekas, begasi, kereta, perahuan atau kapaludara di-ambil di-bawah Akta ini, pegawai yang mengambil-nya itu hendak-lah segera memberi kapada pemunya-nya, jika di-ketahui, suatu pemberitahu dengan bertulis mengenai pengambilan itu dan sebab-nya, sama ada dengan menyerahkan pemberitahu itu kapada pemunya itu sendiri atau dengan pos di-tempat tinggal-nya, jika di-ketahui:

Dengan syarat bahawa pemberitahu itu tidak-lah di-kehendaki di-beri jika pengambilan itu di-lakukan pada tuboh badan, atau di-hadapan, pesalah atau pemunya itu atau ejen²-nya, dan mengenai sa-suatu perahuan atau kapaludara jika pengambilan itu di-lakukan di-hadapan nakhoda atau jurulayar-nya, mengikut mana yang berkenaan.

(4) Peruntukan sekshen ini berhubung dengan pengambilan barang² hendak-lah di-pakai terhadap segala kandungan sa-suatu bungkusan atau bekas dalam mana barang² itu di-dapati dan juga terhadap apa² benda yang di-gunakan bagi menyembunyikan kandungan itu.

(5) Peruntukan sekshen ini berhubung dengan pengambilan sa-suatu perahuan atau kapaludara hendak-lah di-pakai juga terhadap takal, kelengkapan dan perabot perahuan atau kapaludara itu.

(6) Peruntukan seksyen ini berhubung dengan pengambilan kenderaan hendaklah di-pakai terhadap segala kelengkapan-nya dan terhadap apa² binatang yang menarek kenderaan itu.

(7) Apa² barang dari jenis mudah binasa yang di-ambil di-bawah peruntukan seksyen ini boleh di-jual dengan segera dan hasil jualan itu di-simpan sementara menanti keputusan apa² pendakwaan atau tuntutan.

(8) Apa² barang dari jenis berbahaya yang tidak boleh di-pindahkan dengan tidak melakukan belanja yang berlebihan boleh di-binasakan mengikut arahan sa-saorang pegawai kanan kastam.

Kereta,
perahu
atau kapal-
udara
di-lepaskan
dengan
jaminan.

25. Apabila sa-suatu kereta, perahu atau kapaludara telah di-ambil di-bawah Akta ini sa-saorang pegawai kanan kastam boleh, menurut budibichara-nya, memulangkan bagi sementara kereta, perahu atau kapaludara itu kepada pemunya-nya apabila jaminan di-beri dengan memuaskan hati pegawai itu bahawa kereta, perahu atau kapaludara itu akan di-serahkan balek kepada pegawai itu apabila di-minta.

Kuasa
menangkap.

26. Mana² pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran dalam sa-suatu zon perdagangan bebas—

(a) sa-saorang yang di-dapati melakukan atau chuba hendak melakukan atau menggunakan atau membantu mana² orang bagi melakukan atau ber-subahat melakukan sa-suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya;

(b) sa-saorang yang menasabah di-shaki-nya memileki apa² barang yang boleh kena di-ambil di-bawah Akta Kastam, 1967, Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya; atau

(c) sa-saorang yang di-shaki dengan menasabah telah melakukan sa-suatu kesalahan terhadap Akta Kastam, 1967, Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya,

dan boleh memereksa atau mengarahkan di-pereksa mana² orang yang di-tangkap sa-demikian:

Dengan syarat bahawa tiada sa-saorang perempuan boleh di-pereksa melainkan oleh sa-orang perempuan.

27. (1) Sa-saorang pegawai kastam yang menangkap tanpa waran hendak-lah, dengan tidak lengah dan tertaklok kepada peruntokan Akta ini, tentang jaminan atau pelepasan yang terdahulu, membawa atau menghantar orang yang di-tangkap itu ka-hadapan Mahkamah Mejis-teret.

Peruntokan² berhubung dengan penang- kapan tanpa waran.

(2) Tiada sa-saorang pegawai kastam boleh menahan dalam jagaan sa-saorang yang di-tangkap tanpa waran bagi sa-suatu tempoh yang lebeh lama daripada yang berpatutan memandang kapada hal keadaan kes itu; dan tempoh itu tidak boleh lebeh daripada dua puluh empat jam tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat tangkapan itu ka-Mahkamah Mejis-teret.

(3) Tiada sa-saorang yang telah di-tangkap oleh sa-saorang pegawai kastam boleh di-lepaskan kechuali atas bon-nya sendiri atau atas jaminan atau di-bawah suatu perintah khas bertulis oleh sa-orang Mejis-teret atau pegawai kanan kastam.

28. Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan² yang di-lakukan di-bawah—

Siapa boleh mendakwa.

(a) sekshen 6 boleh di-jalankan oleh sa-saorang pegawai kanan kastam atau mana² pegawai kastam yang di-berikuasa dengan bertulis sa-chara khas bagi maksud itu oleh Pengarah Wilayah; dan

(b) mana² peruntokan Akta ini yang lain atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya boleh di-jalankan oleh sa-saorang pegawai Pehak-berkuasa, yang di-berikuasa dengan bertulis sa-chara khas atau am bagi maksud itu oleh Menteri.

29. (1) Jika sa-suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya telah di-lakukan oleh sa-suatu sharikat, firma, pertubohan atau lain² kumpulan orang, mana² orang yang pada masa kesalahan itu di-lakukan adalah sa-orang pengarah, pengurus, setiausaha atau lain² pegawai sa-umpama-nya atau sa-orang kongsi sharikat, firma, pertubohan atau lain² kumpulan orang itu atau yang berupa sa-bagai bertindak atas jawatan itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika ia membuktikan bahawa kesalahan itu telah di-lakukan dengan tiada per-setujuan-nya atau dengan tiada di-biarkan oleh-nya dan

Kesalahan oleh kumpulan orang, penjawat dan ejen.

bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang patut dilakukan oleh-nya bagi mengelakkan berlaku-nya kesalahan itu memandang kapada jenis tugas² jawatan-nya itu dan kapada segala hal keadaan.

(2) Jika sa-saorang boleh di-kenakan sa-suatu hukuman, penalti atau rampasan di-bawah Akta ini kerana sa-suatu perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keingkaran maka boleh-lah ia-nya di-kenakan hukuman, penalti atau rampasan itu juga kerana tiap² perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keingkaran itu oleh sa-saorang kerani, penjawat atau ejen, atau oleh kerani atau penjawat ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keingkaran itu telah di-lakukan oleh kerani atau penjawat itu dalam masa ia bekerja atau oleh ejen itu apabila bertindak bagi pehak orang itu atau oleh kerani atau penjawat ejen itu apabila bertindak dalam masa ia bekerja dalam sa-suatu hal keadaan bahawa jika sa-kira-nya perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keingkaran itu telah di-lakukan oleh ejen itu maka prinsipal-nya tetap boleh kena di-dakwa di-bawah sekshen ini.

Mengkom-
paun
kesalahan.

30. (1) Mana² pegawai kanan kastam boleh mengkompaun apa² kesalahan di-bawah Akta ini yang di-tetapkan sa-bagai suatu kesalahan boleh di-kompaun dengan menerima dari orang yang menasabah di-shaki telah melakukan sa-suatu kesalahan itu sa-jumlah wang tidak lebeh daripada enam ratus ringgit.

(2) Apabila wang itu di-bayar, orang yang menasabah di-shaki melakukan kesalahan itu, jika dalam jagaan, hendak-lah di-lepaskan, dan apa² harta yang telah di-ambil hendak-lah di-lepaskan dan tiada apa² tindakan sa-lanjut-nya boleh di-ambil terhadap orang atau harta itu, melainkan harta itu terdiri daripada barang² yang pengimpotan-nya ka-dalam Persekutuan di-larang dengan mutlak atau dengan bersyarat di-bawah mana² undang² bertulis dan jika demikian hal-nya barang² itu hendak-lah di-rampas.

Tindakan
pegawai²
tidak
menjadi
kesalahan.

31. Tiada apa² jua yang di-lakukan dengan suchi hati oleh sa-saorang pegawai kastam atau sa-saorang anggota atau pekerja Pehak-berkuasa dalam masa menjalankan ke-wajiban²-nya boleh di-sifatkan sa-bagai suatu kesalahan di-bawah Akta ini.

32. Tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menghalang sa-saorang daripada di-dakwa di-bawah mana² undang² bertulis kerana apa² perbuatan, ketinggalan, kechuaian atau keingkaran yang menjadi suatu kesalahan di-bawah Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya, atau daripada boleh di-kenakan di-bawah undang² bertulis yang lain itu apa² hukuman atau penalti yang lebeh berat, daripada atau lain daripada yang di-peruntokkan oleh Akta ini atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya.

Thabit²
di-bawah
undang²
lain.

33. Semua barang yang boleh kena di-ambil di-bawah peruntokan Akta ini, lain daripada kapaludara yang mengambil bahagian dalam pengangkutan antarabangsa, boleh kena di-rampas.

Barang²
yang boleh
kena
di-ambil
boleh kena
di-rampas.

34. (1) Sa-suatu perintah untok merampas atau untok melepaskan apa² benda yang boleh kena di-rampas di-bawah peruntokan² Akta ini hendak-lah di-buat oleh Mahkamah di-mana pendakwaan mengenai benda itu telah di-adakan, dan suatu perintah untok merampas barang² hendak-lah di-buat jika di-buktikan dengan memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu kesalahan telah di-lakukan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya dan bahawa barang² itu telah menjadi hal perkara kesalahan itu atau telah di-gunakan dalam melakukan kesalahan itu walau pun tiada sa-saorang telah di-thabitkan atas kesalahan itu.

Mahkamah
hendak-lah
memerintah
supaya
barang²
yang
di-ambil
di-lepaskan.

(2) Segala benda yang di-rampas hendak-lah di-serahkan kepada sa-orang pegawai kastam yang hak dan hendak-lah di-lepaskan mengikut arahan² Pengarah Wilayah.

35. (1) Jika sa-kira-nya tiada apa² pendakwaan di-jalankan berkenaan dengan apa² barang yang di-ambil di-bawah Akta ini, barang² itu hendak-lah di-ambil dan di-sifatkan sa-bagai di-rampas sa-lepas habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh barang² itu di-rampas melainkan sa-suatu tuntutan di-buat terhadap-nya sa-belum tarikh itu mengikut chara yang di-peruntokkan kemudian daripada ini.

Barang²
yang
di-ambil
dan yang
mengenai-
nya tiada
apa²
pendakwaan
hendak-lah
di-sifatkan
sa-bagai
di-rampas
jika tidak
di-tuntut
dalam
tempoh
satu bulan.

(2) Sa-saorang yang menyatakan bahawa ia adalah pemunya barang² itu dan bahawa barang² itu tidak boleh kena di-rampas boleh dengan sendiri-nya atau melalui ejen-nya yang di-berikuasa oleh-nya dengan bertulis memberi notis dengan bertulis kepada sa-orang pegawai kanan kastam menyatakan bahawa ia adalah menuntut barang² itu.

(3) Apabila di-terima notis itu pegawai kanan kastam itu hendak-lah merujokkan tuntutan itu kepada Pengarah Wilayah dan Pengarah Wilayah boleh mengarahkan barang² itu di-lepaskan atau boleh mengarahkan pegawai kanan kastam itu, melalui maklumat dalam borang yang di-tetapkan, merujokkan perkara itu kepada Yang di-Pertua Mahkamah Seshen untuk keputusan-nya.

(4) Yang di-Pertua Mahkamah itu hendak-lah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menyatakan bahawa ia ada-lah pemunya barang² itu dan juga orang yang daripada-nya barang² itu telah di-ambil supaya hadir di-hadapan-nya, dan apabila mereka itu hadir atau ingkar hadir, manakala penyampaian yang sempurna mengenai saman itu di-buktikan, Yang di-Pertua itu hendak-lah menjalankan pemereksaan perkara itu dan apabila di-buktikan bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini telah di-lakukan dan bahawa barang² itu telah menjadi hal perkara kesalahan itu, atau telah di-gunakan dalam melakukan kesalahan itu, Yang di-Pertua itu hendak-lah memerentahkan barang² itu di-rampas, atau jika sa-kira-nya tiada apa² bukti yang tersebut, Yang di-Pertua itu boleh memerentahkan barang² itu di-lepaskan.

Barang² yang di-ambil boleh di-serahkan kepada pemunya-nya atau orang lain.

36. Menteri boleh, atas permohonan yang di-buat kapada-nya dengan bertulis melalui Ketua Pengarah, memerentahkan mana² barang yang di-ambil di-bawah Akta ini, sama ada di-rampas, atau di-ambil dan di-sifatkan sa-bagai di-rampas, di-serahkan kepada pemunya-nya atau orang lain yang berhak kapada-nya, mengikut apa² syarat yang di-fikirkan-nya patut:

Dengan syarat bahawa sa-suatu permohonan itu hendak-lah di-buat sa-belum habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh barang² itu di-rampas atau dari tarikh barang² itu di-ambil dan di-sifatkan di-rampas, mengikut mana yang berkenaan.

BAHAGIAN V

PERUNTOKAN PELBAGAI

Perahu berhubong dengan zon.

37. Sa-suatu perahu yang di-tambang di-sisi dermaga sa-suatu zon perdagangan bebas hendak-lah di-sifatkan sa-bagai berada dalam zon perdagangan bebas itu.

38. (1) Pegawai kastam yang hak boleh pada bila² masa mengambil contoh mana² barang bagi menentukan sama ada barang² itu ada-lah dari jenis yang boleh di-kenakan apa² duti kastam atau bagi menentukan duti kastam yang kena di-bayar atas barang² itu apabila masok ka-dalam wilayah kastam atau bagi apa² maksud lain yang di-fikirkan perlu oleh pegawai kastam yang hak itu, dan contoh² itu boleh di-lepaskan mengikut apa² chara yang di-arahkan oleh Pengarah Wilayah. Pegawai kastam yang hak boleh mengambil contoh.
- (2) Tiada apa² pembayaran di-kehendaki di-buat bagi apa² contoh yang di-ambil tetapi pegawai kastam yang hak itu hendak-lah memberi suatu resit bagi apa² contoh yang di-ambil.
39. Anggota² Pehak-berkuasa dan pekerja²-nya dari apa² jawatan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat awam dalam erti Kanun² Keseksaan bagi Negeri² Tanah Melayu, Sabah atau Sarawak mengikut mana yang berkenaan. Penjawat awam.
40. Jika ada di-peruntukkan di-bawah Akta ini atau di-bawah mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya bahawa keputusan mengenai apa² perkara ada-lah terletak pada Pehak-berkuasa atau Ketua Pengarah maka melainkan jika ada di-peruntukkan dengan khusus-nya bahawa keputusan itu ada-lah menurut budibichara mutlak Pehak-berkuasa atau Ketua Pengarah itu, sa-saorang yang tidak puashati dengan keputusan itu boleh merayu kepada Menteri. Rayuan terhadap keputusan Pehak-berkuasa atau Ketua Pengarah.
41. Menteri boleh membuat peratoran² bagi atau berkenaan dengan tiap² maksud yang di-fikirkan-nya perlu bagi melaksanakan Akta ini. Menteri hendak-lah menetapkan.
42. Menteri boleh, berhubung dengan sa-suatu zon perdagangan bebas, mewakilkan kepada mana² orang semua atau mana² daripada kuasa-nya di-bawah peruntukan Akta ini, kechuali sekshen 10 (3) dan sekshen 41. Kuasa perwakilan.

BAHAGIAN VI

PINDAAN UNDANG² ~~KASTAM~~

LAIN YANG TERTENTU

(Act A 146)

43. Pindaan² yang di-buat kepada undang² bertulis yang di-nyatakan dalam ruang pertama dalam Jadual Kedua (sa-bagaimana tersebut dalam ruang kedua dalam Jadual itu) hendak-lah berkuatkuasa. Pindaan² berbangkit.

BAHAGIAN VII
PEMANSOKHAN

Peman-
sokhan.

44. Ordinan No. 26 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

JADUAL PERTAMA
(Sekshen 10)

Nama Zon Perdagangan Bebas

Jenis Pengilangan

- pu(A) 15/72 → 1. ---
- pu(A) 20/73 → 2. ---
- pu(A) 32/73 → 3. ---
- pu(A) 40/74 → 4. ---
- pu(A) 43/75 → 5. ---
- pu(A) 290/79 → 6
- pu(A) 291/79 → 7 & 8 (1)
- pu(B) 243/78 → 9

JADUAL KEDUA
(Sekshen 43)

(2)
Pindaan²

Undang² bertulis

62 tahun 1967. Akta Kastam, 1967 ...

Maka hendak-lah di-masokkan sekshen-kechil baharu (1A) yang berikut sa-lepas sahaja sekshen-kechil (1) sekshen 2—

“(1A) For the purposes of this Act (other than section 31), a free trade zone shall be deemed to be a place outside the Federation.

In this sub-section, the expression ‘free trade zone’ means any area declared to be a free trade zone under the provisions of section 3 of the Free Trade Zones Act, 1971.”.

Act A 146
→

KUALA LUMPUR

DI-CHETAK OLEH PEMANGKU PENCHETAK KERAJAAN DAN DI-TERBITKAN DENGAN PERENTAH PADA
29IB APRIL, 1971

Harga: 50 sen